

MUCO-AID LIQUID

Lignocaine Hydrochloride/ Triamcinolone Acetonide/ Chlorhexidine Hydrochloride (2.5%w/v / 0.1%w/v / 0.5%w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Muco-Aid Liquid
2. Bagaimana Muco-Aid Liquid berfungsi
3. Sebelum menggunakan Muco-Aid Liquid
4. Cara menggunakan Muco-Aid Liquid
5. Semasa menggunakan Muco-Aid Liquid
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Muco-Aid Liquid
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Muco-Aid Liquid

Muco-Aid Liquid digunakan untuk melegakan ketidakselesaan dan kesakitan, untuk mengurangkan keradangan dan menggalakkan penyembuhan keadaan berikut:

- ulser, luka dan kesakitan dalam gusi, lidah, bibir atau lelangit;
- trauma atau luka dalam rongga mulut disebabkan oleh gigi palsu baharu, kesakitan dan keradangan pada tempat gigi palsu.
- gangguan pertumbuhan gigi.

Bagaimana Muco-Aid Liquid berfungsi

Muco-Aid Liquid mengandungi tiga jenis bahan aktif yang dinamakan lignocaine hydrochloride, chlorhexidine hydrochloride, dan triamcinolone acetonide. Lignocaine hydrochloride adalah anestetik yang melegakan kesakitan. Chlorhexidine hydrochloride menghalang jangkitan bakteria. Triamcinolone acetonide adalah anti-radang yang membantu untuk mengurangkan bengkak.

Sebelum menggunakan Muco-Aid Liquid

- Bila tidak boleh menggunakan:
Jangan menggunakan ubat ini jika anda mempunyai alahan hipersensitif terhadap:
 - Lignocaine hydrochloride
 - Chlorhexidine hydrochloride
 - Triamcinolone acetonide
 - Sebarang bahan kandungan dalam Muco-Aid Liquid.

Hentikan penggunaan produk dengan serta merta jika terdapat sebarang tanda atau gejala hipersensitiviti yang disyaki seperti gatal, ruam kulit, kemerahan, bengkak, sukar bernafas, pening dan degupan jantung yang cepat.

Jangan guna ubat ini jika anda mempunyai luka, lepuh dan sekiranya terdapat jangkitan dalam mulut anda.

- Sebelum menggunakan Muco-Aid Liquid:
Anda harus beritahu doktor anda sekiranya:
 - anda alergic terhadap ubat yang anda pernah guna untuk merawat keadaan semasa anda.
 - anda mengalami batuk kering, ulser gastrik atau diabetes.
 - anda hamil terutamanya semasa awal kehamilan atau ibu menyusu.

Guna dengan berhati-hati pada kanak-kanak, terutama merawat kawasan yang luas memandangkan perencatan pertumbuhan pernah dilaporkan.

Jika mengambil ubat-ubat lain:
Muco-Aid Liquid mungkin berinteraksi dengan:

- Beta-blocker (untuk masalah jantung)
- Cimetidine (untuk masalah pedih ulu hati dan ulser perut)
- Ubat antiradang bukan steroid (NSAIDs) (ubat tahan sakit)
- Thiazide, furosemide (pil air)

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herba, makanan tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Muco-Aid Liquid

Sentiasa menggunakan ubat dengan tepat seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda perlu merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

- Berapa banyak harus digunakan:
Titis 2 hingga 4 titik Muco-Aid Liquid pada tempat yang berkenaan dengan menggunakan putik kapas atau jari yang bersih. Sapukan dengan lembut untuk menutupi luka.
- Bila perlu digunakan:
Ulang penggunaan selepas 1-2 jam, sebaiknya selepas makan dan sebelum tidur.
Guna ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.
- Berapa lama perlu digunakan:
Guna Muco-Aid Liquid untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.
- Jika terlupa menggunakan:
Sekiranya anda terlupa menggunakan ubat ini, guna ubat ini sebaik sahaja anda teringat.
- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos):
Tanda-tanda dan simptom terlebih dos termasuklah:
 - penglihatan kabur atau berganda, atau kedua-duanya.
 - pening
 - bunyi deringan di telinga
 - mengigil atau getetar.
 - peluh bertambah
 - tekanan darah rendah

- degupan jantung yang perlahan atau tidak teratur
- pucat yang luar biasa
- gejala keresahan luar biasa, teruja, gementar, gelisah dan sawan.
- rasa mengantuk, tidak sedar diri, kesukaran bernafas dan kematian.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau sesiapa yang mungkin menggunakan dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang rasa tidak selesa atau kesan keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Muco-Aid Liquid

- Perkara yang perlu dilakukan:
Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau menyusukan bayi.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan:
 - Jangan beri Muco-Aid Liquid kepada orang lain walaupun simptom mereka seolah-olah serupa ataupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda. Doktor anda telah mempreskripsikan Muco-Aid Liquid hanya untuk anda dan keadaan anda.
 - Muco-Aid Liquid mengandungi chlorhexidine dan tidak boleh dititiskan ke dalam telinga.
 - Jangan menggunakan Muco-Aid Liquid untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarahkan oleh doktor anda.
 - Jangan mengunyah gula-gula getah atau makanan semasa kebas berterusan kerana anda mungkin tergigit lidah anda.
 - Jangan makan satu jam selepas penggunaan ubat kerana anda mungkin mempunyai kesukaran

menelan dan seterusnya menyebabkan aspirasi.

- Perkara yang perlu diberi perhatian:
 - Anda harus berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Muco-Aid Liquid mempengaruhi anda.
 - Berjumpa dengan doktor anda sekiranya tiada perubahan selepas 7 hari.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang-kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami kesan-kesan berikut:

- kesakitan
- kemerahan
- pedih
- gatal
- melepuh dan boleh diisi dengan nanah
- mengelupas
- Sindrom *Cushing* (masalah disebabkan oleh lebihan hormon kortisol dalam badan)
- Kandungan gula tinggi dalam darah
- Kehadiran gula dalam kencing

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda was-was atau untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Muco-Aid Liquid

- Penyimpanan:

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan di bawah suhu 30°C dalam bekas yang ditutup rapat. Lindungi daripada cahaya, kepanasan dan pembekuan. Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan:

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk:
Losyen putih berperisa gula getah dan pudina.
- Bahan-bahan kandungan:
 - Bahan aktif
Lignocaine hydrochloride, Triamcinolone acetone dan Chlorhexidine hydrochloride.
 - Bahan tak aktif
Bahan-bahan lain adalah Glycerin, Polysorbate 80, Xanthan Gum, Perisa Bubblegum dan Peppermint Oil.
- Nombor MAL
MAL05041940AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn Bhd.
Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
15/11/2021

Nombor Siri
NPRA(R4/1)180621/00052